




الجامعة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



Inou Dengah UiTM Mukah?

5th Issue | VOLUME 1 : JULY 2026

UiTM *di hatiku*

BULLETIN



EDITORIAL BOARD

MEET THE TEAM

**PROFESSOR DR.
FIRDAUS
ABDULLAH**
Patron



**DR. ABDUL JABBAR
ABDULLAH**
Advisor

**MS. SITI FARIDAH
KAMARUDDIN**
Chief Editor



**MS. STEFANIE NATASHA
RICH JOSEPH**
MS. FAKHIRA JAFRI
MS. CINDY ROBERT
MRS. NUR NADIA QAUSAR JUHARI
MS. SHIRLEY CLARE JERI
Editors



**MR. MUHAMMAD
ANAS ABDUL
RAZAK**
Records & Archives



MRS. IRENE SELUROH
Layout & Design
MR. SHILEYUSKEN MIJEN
Webmaster
**MR. ANAS ASRAWY
PENDAPAT**
Photographer



**MR. ERICKSON GRAVESENT
MUZIDI**
Internship Trainee



Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026

NEWS AND ARTICLES

Alumni Talk: From UiTM, For UiTM

Penulis: Muhamad Syukrie Abu Talip, Akmal Shafiq Badarul Azam, Sharifah Raina Manaf, Suraiya Mahdian

Program “Alumni Talk: From UiTM, For UiTM” telah berlangsung pada 19 April 2026 di Bilik Seminar Fakulti Sains Gunaan, UiTM Kampus Mukah berjaya menjadi platform perkongsian ilmu dan pengalaman antara alumni, pelajar serta warga akademik. Program tersebut telah dirasmikan oleh Dr. Sharifah Raina Manaf selaku Ketua Pusat Pengajian dan dihadiri oleh para pelajar serta pensyarah daripada Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi.

Sesi perkongsian menampilkan Encik Erwin anak Asong, graduan kohort pertama Diploma Pengurusan Ladang UiTM Cawangan Sarawak pada tahun 2002 yang kini berkhidmat sebagai Pengurus Besar di Green Field Plantation Sdn. Bhd. Encik Erwin berkongsi pengalaman sebagai mahasiswa UiTM Sarawak serta cabaran yang dihadapi sebagai pelajar kohort pertama program tersebut. Beliau turut menjelaskan bagaimana pengalaman di kampus membentuk keyakinan diri, disiplin dan kemahiran yang menjadi asas kejayaan dalam industri perladangan.



Selain berkongsi pengalaman, beliau turut menasihatkan para pelajar agar memanfaatkan peluang menimba ilmu dan pengalaman sepanjang tempoh pengajian. Beliau menekankan kepentingan penglibatan aktif dalam program akademik dan kokurikulum bagi membangunkan kemahiran insaniah, komunikasi serta kepimpinan yang diperlukan dalam dunia pekerjaan. Menurut beliau, graduan yang berjaya bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah mampu menyesuaikan diri dengan keperluan industri semasa.

Program ini memberi manfaat kepada para pelajar dengan menyediakan gambaran yang lebih jelas tentang realiti dunia pekerjaan dan keperluan industri semasa. Perkongsian daripada alumni turut meningkatkan motivasi serta keyakinan mahasiswa dalam merancang kerjaya mereka. Selain itu, program ini menjadi platform penting untuk memperkukuh hubungan antara alumni dan institusi. Penglibatan alumni bukan sahaja membantu memperluas jaringan industri, malah membuka peluang kerjasama strategik yang dapat menyokong pembangunan pelajar dan meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Secara keseluruhannya, program “Alumni Talk: From UiTM, For UiTM” berjaya menjadi medium yang mengeratkan hubungan antara alumni dan warga UiTM serta menyuntik inspirasi kepada mahasiswa untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan akademik dan profesional.



Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026



Telephone/Fax

084-876100/084-876300



Email Address

korporat_swk@uitm.edu.my



Website

<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address

**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

